



Headline: SCAM - Syafiq, Faradhiya jadi mangsa
Publication/Portal: Utusan Malaysia - Supplement
Date: 5 August 2018

Language: Malay
Section: Pancaindera
Page: 14

Oleh SYED MUSSADDAD SYED MAHDI
mussaddad.mahdi@utusan.com.my

DITUDUH menggubah wang haram, memproses dadah atau lari daripada membayar cukai merupakan antara isu paling kerap digunakan oleh segelintir pihak untuk menipu orang lain. Bukan seorang dua yang sudah terkena sebaliknya seribu-ribu orang sudah menjadi mangsa penipuan segelintir pihak yang mahu mengaut keuntungan dalam masa yang singkat.

Gunakanlah apa sahaja istilah seperti Black Money Scam, Macau Scam, African Scam, Love Scam dan sebagainya, modus operandi yang digunakan tetap sama iaitu mendapatkan wang dengan cara yang mudah. Mangsa akan ditelefon kononnya mewakili pihak bank dan kemudian mereka akan menyambung panggilan kepada pihak berkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia atau Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kepada yang takut, pasti akan 'termakan' dengan ugutan yang diterima sehingga sanggup menyerahkan sejumlah wang seperti yang diminta.

Perkara ini bukan sahaja melibatkan orang awam sebaliknya golongan artis juga. Terbaru, Syafiq Kyle menjadi mangsa apabila menyerahkan hampir RM40,000 kepada pihak tersebut.

Pelakon dan penyanyi Faradhiya juga hampir menjadi mangsa dua minggu yang lalu. Namun dia beruntung kerana tidak sampai ke tahap membayar pihak tersebut kononnya untuk menutup kes yang dia sendiri tidak lakukan. Kepada *Pancaindera*, kedua-dua mereka bercerita tentang pengalaman ngeri yang dilalui baru-baru ini.

SYAFIQ TERKENA

MENDAPAT panggilan daripada pihak bank kononnya dia berhutang namun akhirnya panggilan tersebut kononnya disambung ke beberapa pihak berkuasa yang lain merupakan detik awal yang dilalui oleh Syafiq seminggu yang lalu. Pada awalnya dia tidak menyangka panggilan yang diterima adalah penipuan memandangkan gaya dan cara mereka bercakap sangat profesional sehingga membuatkan dia menyerahkan wang untuk menutup kes tersebut.

"Gaya percakapan mereka tidak mencurigakan dan sememangnya meyakinkan membuatkan saya melayan panggilan tersebut. Daripada wakil pihak bank, akhirnya talian saya disambung kepada pihak berkuasa yang lain dalam masa yang sama.

"Mereka kata saya ada terlibat dalam pengubahan wang haram. Saya sendiri pada awalnya pelik tetapi masih melayan kerana gaya mereka sangat meyakinkan. Tapi perkara tersebut berlaku dengan begitu pantas sehingga membuatkan saya menyerahkan wang tersebut," katanya.

Tambah pelakon yang popular dengan drama *Nur* ini lagi, dia sebenarnya tidak pernah mengetahui kewujudan penipuan atau scam ini dalam kalangan masyarakat. Hanya selepas membuat laporan polis barulah dia sedar yang ramai dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi mangsa sejak beberapa tahun lalu.

Disebabkan kurang peka dengan isu itu, pastinya perkara tersebut memberikan kelebihan kepada si penipu untuk meyakinkan Syafiq meskipun tuduhan yang dilemparkan tidak pernah dilakukan sama sekali.

"Saya menerima panggilan mereka pada hari Jumaat dan hari Sabtu saya terus memberikan wang seperti yang diminta kononnya untuk 'menutup' segera kes yang melibatkan saya. Bila sudah menyerahkan wang tersebut baru saya terfikir, apa sebenarnya yang terjadi?"

"Sehari kemudian saya hadir membuat laporan polis dan barulah saya tahu ini merupakan scam! Kata pihak berkuasa mereka menerima banyak laporan seperti ini saban hari," katanya yang membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, dia juga menasihatkan orang ramai untuk merujuk sesuatu hal yang di luar kawalan kepada pihak yang dipercayai sebelum melakukan tindakan lanjut.

Ahli masyarakat tidak seharusnya melayan sebarang panggilan yang mencurigakan. Tambahnya sekiranya mereka dituduh membuat kesalahan, lebih elok terus hadir ke pejabat agensi tersebut untuk mengetahui kebenaran.

"Dalam kes tersebut, saya serahkan kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikannya. Cuma sebagai selebriti yang dikenali, saya mahu semua orang ambil tahu dan ambil peduli dengan isu semasa. Jangan sesekali menjadi mangsa seperti saya," katanya lagi.

TIDAK MALU MENGAKU

MENGANGGAP apa yang berlaku sebagai pengajaran berharga buat dirinya, Syafiq reda seandainya wang tersebut tidak akan diperoleh semula. Meskipun angka kerugian bukan sedikit, ini membuka matanya untuk lebih peka dengan isu semasa dan berhati-hati pada masa hadapan.

"Saya tidak malu untuk mengaku kena tipu kerana rasa bertanggungjawab terhadap masyarakat. Kalau dahulu saya tidak mengambil berat isu semasa, sekarang saya mahu masyarakat dan peminat saya lebih sensitif dengan pelbagai jenis penipuan yang wujud.

"Sekurang-kurangnya mereka tidak mudah menyerahkan wang hanya kerana satu panggilan seperti yang saya alami. Ini bukan pengajaran untuk saya sahaja sebaliknya untuk semua. Jadikan iktibar," tegasnya.

SCAM

Syafiq, Faradhiya jadi MANGSA

FARAHDHIIYA DIUGUT

PENGALAMAN Faradhiya berdepan dengan individu tidak bertanggungjawab sekitar Julai lalu, hampir menjadikan dia mangsa sindiket penipuan. Berpunca dek satu panggilan telefon daripada pihak bank yang menyatakan dia ada berhutang, hal ini mahu dikongsi oleh pelakon jelita ini sebagai teladan untuk orang ramai.

Menerima panggilan tersebut, pada awalnya dia jadi risau adakah benar berhutang sejumlah wang seperti mana yang didakwa. Si pemanggil pula menyatakan dengan tegas 'hutang' itu wujud sehingga membuatkan dia mengikut sahaja kata-kata mereka.

"Pada awalnya dia menyatakan saya ada berhutang sebanyak RM3,000 dan meminta saya memberikan nama penuh dan nombor kad pengenalan. Bila diberikan, sah saya berhutang katanya tapi dia minta untuk menyambung panggilan tersebut kepada pegawai yang bertugas.

"Bila bercakap dengan lelaki tersebut, tiba-tiba sahaja saya dikatakan ada membuat pinjaman bank berjumlah RM50,000 pula. Tentu sahaja saya panik dan memikirkan ada orang yang membuat pinjaman atas nama saya," kata Faradhiya membuka cerita.

Tidak cukup dengan itu, pelbagai

persoalan peribadi yang ditanya termasuklah mahukan maklumat peribadi dan sebagainya. Mujur penyanyi ini tidak memberikan apa-apa maklumat seperti nombor siri kad bank dan yang memang dikehendaki oleh puak penipu ini.

Tambah mendebarakan apabila lelaki tersebut 'menyambung' pula panggilan kepada 'sarjan polis' kononnya mahu menyemak dan menyelesaikan masalah tersebut.

"Saya bercakap dengan 'sarjan' tersebut. Dia ada meminta saya hadir ke sebuah balai polis di Kedah tetapi saya menolak. Dia minta saya buat laporan polis terus kepadanya secara dalam telefon. Itu memang pelik sebenarnya tapi saya turutkan juga.

"Katanya dia akan merekodkan perbualan ini sambil meminta ukuran berat badan dan ketinggian. Jelasnya dia mahu membuka CCTV (kamera litar tertutup) dan memadankan dengan maklumat yang ada," tambahnya lagi.

Lagi membuatkan hatinya tertanya-tanya apabila 'sarjan' berkenaan mahu membuat pemeriksaan dengan pegawai Kementerian Dalam Negeri pula sama ada memiliki rekod jenayah lain atau tidak. Hasil pemeriksaan kononnya dia terlibat dengan pengubahan wang haram dan terlibat

KENA WARAN TANGKAP

"PALING membuatkan saya terkejut apabila pihak tersebut menyatakan saya memiliki waran tangkap dan kes yang dihadapi tidak boleh dijamin. Tentu sahaja saya terkejut dan risau. Pemanggil itu pula halang saya ke mana-mana balai polis, risau saya terus disumbat ke dalam lokap," tambahnya.

Paling terkesan apabila dia diminta sentiasa memberikan gambar dan maklumat di mana berada selepas itu. Antara percaya dan tidak, dia bagaikan dipukau hampir satu jam setengah melayan si penipu.

Sebaik sahaja selesai bercakap, Faradhiya terus mendapatkan bapanya dan bercerita mengenai pengalaman tersebut. Ayahnya menegaskan yang itu semua adalah penipuan yang sudah banyak berlaku sejak dahulu lagi.

Tidak mahu duduk diam, dia akhirnya membuat laporan polis pada hari berkenaan walaupun sejak awal lagi sudah ditegah oleh pihak tersebut.

"Rupanya ramai yang sudah menjadi mangsa penipuan sebelum ini. Saya ada mendengar tapi tidak tahu bagaimana modus operandi mereka. Bila sudah terkena, baru saya tahu bagaimana cara mereka memanipulasi keadaan," jelasnya.

Sebagai langkah berhati-hati, ahli masyarakat perlulah lebih peka dan ambil peduli dengan hal-hal semasa yang berlaku saban hari. Sikap ambil tahu sedikit sebanyak akan memberikan peringatan kepada semua untuk tidak terjerumus ke dalam isu penipuan yang tidak menunjukkan tanda-tanda akan berakhir.

Ayuh kita ingat mengingati dan ambil peduli!

KEPADA YANG TAKUT, PASTI AKAN 'TERMAKAN' DENGAN UGUTAN YANG DITERIMA SEHINGGA SANGGUP MENYERAHKAN SEJUMLAH WANG SEPERTI DIMINTA.

DITIPU... BERTAHATI-HATILAH

1. USAHAWAN kosmetik, Datuk Seri Vida juga hampir ditipu sebanyak RM30,000 pada November tahun lalu. Mendapat panggilan telefon daripada pihak bank, dia kemudian dituduh terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dan dikehendaki membayar wang tersebut untuk menutup kes tersebut. Ketika itu, dia juga diminta mengemukakan beberapa maklumat peribadi akaun bank yang lain. Mujur tidak memberikan wang, dia akhirnya membuat laporan polis mengenai kejadian tersebut.

2. DEN Wahab dan Aziz M Osman juga pernah menjadi mangsa penipuan seorang ejen pelancongan penghujung tahun lalu. Diberikan tawaran pakej pelancongan dengan harga yang menarik, mereka bersama 15 anggota rombongan yang lain menghadapi detik cemas apabila dihalau dari hotel penginapan di Korea Selatan. Sudahlah kerugian berpuluh ribu ringgit, mereka pula terpaksa membeli tiket penerbangan pulang ke Kuala Lumpur (dari Korea) sendiri kerana ditipu.

3. ROZITA Che Wan juga pernah menjadi mangsa penipuan sebanyak RM50,000 pada tahun lalu melibatkan bisnis minyak yang diusahakan. Wang tersebut sudah diberikan kepada pengusah yang bergelar Datuk tersebut namun pihak berkenaan gagal menyerahkan tempahan seperti yang dijanjikan. Nasib yang sama juga turut dilalui oleh Aerial Zafrel yang kerugian RM100,000 untuk memulakan bisnis minyak yang. Wang lebur, produk entah ke mana. Akhirnya Aerial membuat laporan polis menuntut kembali wang miliknya.

4. KUMPULAN Estranged juga pernah menjadi mangsa penipuan seorang wanita dua tahun yang lalu apabila menawarkan persembahan di luar negara bersama kumpulan popular dunia yang lain. Penipuannya sangat licik dan profesional dengan mendedahkan bukti e-mel jemputan dan sebagainya yang kononnya mewakili sebuah syarikat terkemuka. Namun apabila persembahan mereka dibatalkan, barulah Estranged tahu yang itu sebenarnya adalah penipuan. Mereka akhirnya memfailkan saman menuntut ganti rugi daripada wanita berkenaan.

